3755/1
Perdagangan
Kertas 1
September
2011
1¼ jam

JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA NEGERI PERAK TAHUN 2011

PERDAGANGAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan **satu** ruangan sahaja bagi setiap soalan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukarkan jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Anda boleh membuat kerja mengira di ruangan kosong pada kertas soalan.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kakulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

1. Antara berikut, aktiviti yang manakah berkaitan dengan keperluan penghargaan?

   A Hari guru
   B Hari keluarga
   C Gotong royong
   D Jamuan hari raya

2. Pernyataan manakah yang menerangkan nilai faedah bentuk?

   A Kain dijahit menjadi baju kebaya
   B Rotan dipindah ke kilang perabot
   C Beras disimpan sehingga diperlukan
   D Ikan dijual oleh nelayan kepada pengguna

3. Gambar 1 menunjukkan satu cabang aktiviti pengeluaran.



Gambar 1

Apakah aktiviti pengeluaran tersebut?

   A Ekstraktif
   B Pembinaan
   C Perkilangan
   D Perdagangan

4. Pernyataan yang manakah menunjukkan kelebihan pengkhususan?

   A Meningkatkan kepuasan terhadap kerja
   B Menghasilkan keluaran yang seragam
   C Mempelbagaikan kemahiran pekerja
   D Menjimatkan masa dan kos latihan

5. Perbualan berikut adalah di antara Kintan dengan Melati.

Kintan	:	Awak mahu ayam, tak?
Melati	:	Ya, mahu. Tapi…berapa ekor ikan sama dengan seekor ayam awak tu.

Apakah masalah yang dihadapi oleh Kintan dan Melati?

   A Kadar pertukaran
   B Kemahuan serentak
   C Barang tidak tahan lama
   D Barang sukar dibahagikan

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

6. Pernyataan manakah yang menerangkan maksud perdagangan?

A Menyampaikan maklumat barang di pasaran
B Menghasilkan barang untuk memenuhi kehendak manusia
C Mengagihkan barang daripada pengeluar kepada pengguna
D Membeli dan menjual barang untuk mendapatkan keuntungan

7. Gambar 2 menunjukkan dua jenis bantuan perniagaan.



Gambar 2

Apakah persamaan peranan dua jenis bantuan perniagaan tersebut?

A Memecah pukal
B Meluaskan pasaran
C Menstabilkan harga
D Memberikan perlindungan

8. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri suatu bentuk perniagaan runcit.

- Sebuah syarikat berhad
- Beroperasi dalam sebuah bangunan besar yang bertingkat
- Harga barang tetap

Apakah bentuk perniagaan runcit tersebut?

A Gedung aneka jabatan
B Pasar raya besar
C Kedai sejaras
D Francais

9. Pernyataan yang manakah menunjukkan kekurangan jualan konsainan kepada konsaini?

A Sukar mengawal ejen yang terlalu ramai
B Jualan perlu besar jika mahu komisen tinggi
C Terlalu bergantung kepada ejen untuk membuat pemasaran
D Semakin tinggi jualan, semakin tinggi komisen perlu dibayar

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

10. Maklumat berikut berkaitan urusniaga antara Encik Ashraf dengan Pemborong Perabot Indah.

> Encik Ashraf telah membeli set sofa bernilai RM300.00 daripada Pemborong Perabot Indah pada 11 Mei 2011. Pemborong tersebut menawarkan diskaun tunai 10%, 7 hari dan 5%, 14 hari.

Hitungkan jumlah yang perlu dibayar sekiranya Encik Ashraf menjelaskan bayaran pada 26 Mei 2011.

A RM255.00
B RM285.00
C RM300.00
D RM270.00

11. Rajah 1 menunjukkan cara pengambilalihan fungsi pemborong



Rajah 1

Apakah Z?

A Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
B Mesin Peruncitan Automatik
C Syarikat Singer Berhad
D Koperasi Pengeluar

12. Pernyataan berikut berkaitan dengan kepentingan perniagaan antarabangsa.

> Teknologi, penemuan baru dan inovasi yang berlaku di sesebuah negara boleh disebarkan dengan mudah ke negara lain.

Apakah kesannya kepada pengeluar tempatan?

I Meningkatkan kualiti barang
II Mengurangkan harga barang
III Menambahkan sumber bekalan
IV Menjimatkan kos pengeluaran

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

13. Susunkan prosedur yang perlu dipatuhi oleh pengimport setelah membuat pesanan.

I Menuntut barang dan membayar duti kastam
II Menunggu ketibaan kapal dan membuat persiapan untuk menerima barang
III Mendapatkan dokumen berkaitan
IV Memenuhi keperluan Akta Kawalan Pertukaran Wang Asing 1953

A II, I, IV dan III
B IV, III, I dan II
C IV, II, I dan III
D III, IV, II dan I

14. Penerangan berikut adalah berkaitan dengan suatu dokumen perniagaan antarabangsa.

> Dokumen pengesahan kebenaran dari negara pengimport untuk membawa barang masuk ke negara tersebut.

Apakah dokumen tersebut?

A Inden
B Sijil Asal Usul
C Invois Eksport
D Invois Konsular

15. Antara berikut yang manakah merupakan ciri Industri Kecil dan Sederhana (IKS)?

A Struktur organisasi yang rumit
B Mempunyai modal yang besar
C Mengeluarkan barang keperluan
D Beroperasi hanya di pinggir bandar

16. Maklumat berikut menerangkan ciri suatu kegiatan Industri Kecil dan Sederhana.

- Melibatkan teknologi dalam bidang kimpalan
- Keluarannya adalah untuk kegunaan industri berat atau industri pembinaan

Apakah kegiatan industri tersebut?

A Industri berasaskan logam
B Industri berasaskan sumber
C Industri komponen automotif
D Industri komponen elektrik dan elektronik

17. Antara berikut, agensi manakah membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam menyediakan latihan kemahiran untuk pekerja.

I Perbadanan Daya Pengeluaran Negara (PDPN)
II Majlis Amanah Rakyat (MARA)
III Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF)
IV Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC)

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

18. Maklumat berikut berkaitan dengan satu cara memulakan perniagaan

> Zaki menjalankan perniagaan yang telah diusahakan oleh bapanya setelah bapanya meninggal dunia.

Apakah cara memulakan perniagaan tersebut?

A Warisan
B Diundang
C Mengambil alih
D Memulakan sendiri

19. Antara berikut yang manakah benar tentang pekongsi nominal?

A Menyumbang modal dan terlibat dalam pengurusan perniagaan
B Menyumbang modal tetapi tidak terlibat dalam pengurusan perniagaan
C Tidak menyumbang modal tetapi terlibat dalam pengurusan perniagaan
D Tidak menyumbang modal dan tidak terlibat dalam pengurusan perniagaan

20. Berikut adalah papan tanda sebuah milikan perniagaan.

Syarikat Mega Suria Sdn.Bhd.

Antara berikut, yang manakah benar tentang perniagaan tersebut?

I Liabiliti pemegang syer tidak terhad
II Bilangan pemegang syer terhad kepada 2 hingga 50 orang
III Penyata kewangan tidak perlu diumumkan
IV Pemegang syer boleh memindah milik syer dengan bebas

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

21. Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Norini.

> Puan Norini membeli sebuah rumah bernilai RM80 000 dan menyewakan rumah tersebut selama 5 tahun dengan kadar sewa sebanyak RM300 sebulan. Beliau telah menjual rumah tersebut apabila ditawarkan nilai RM 150 000.

Hitungkan keuntungan modal yang Puan Norini peroleh?

A RM18 000
B RM70 000
C RM88 000
D RM150 000

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

22. Rajah 2 menunjukkan sejenis perkhidmatan yang disediakan oleh bank perdagangan



Rajah 2

Apakah X?

A Overdraf
B Kad kredit
C Cek kembara
D Cek jurubank

23. Maklumat berikut berkaitan dengan kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh perbankan Islam.

- Aset pelanggan dijadikan cagaran pinjaman
- Bank ambil alih aset jika pelanggan gagal bayar balik pinjaman

Apakah kemudahan pembiayaan tersebut?

A Ijarah
B Kafalah
C Al Rahnu
D Murabahah

24. Rajah 3 menunjukkan sekeping cek.


BANK MALAYSIA BERHAD
Pangkor, Perak.

Stamp Duty Paid
56-12453
Tarikh: 7 Mac 2011

Bayar
Pay Kedai Pakaian Maju

Atau Pembawa
RM2005.00

Ringgit Malaysia Dua Ribu Lima Sahaja

Sarjit

"678543" 56""12453" 5643217896" 01

Rajah 3

Namakan jenis cek tersebut?

A Cek bertarikh hadapan
B Cek pembawa
C Cek bertanda
D Cek perintah

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

25. Dialog berikut berkaitan dengan sejenis insurans.

Amin :	Awak beli rumah tu melalui pinjaman bank ke?
Hassan :	Ya.
Amin :	Awak ada ambil insurans?
Hassan :	Ada. Kalau apa-apa hal jadi kat aku dan keluarga, aku tak susah. Semua baki hutang rumah akan dibayar oleh syarikat insurans.

Apakah jenis insurans yang dimaksudkan oleh Hassan?

A Insurans gadaian
B Insurans kecurian
C Insurans kebakaran
D Insurans endowmen

26. Apakah peranan pengangkutan?

I Menstabilkan harga
II Menyebarkan maklumat barang
III Menjamin keselamatan barang
IV Meluaskan pasaran

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

27. Antara berikut yang manakah kelebihan pengangkutan rel?

I Kerja pemunggahan berkurang
II Risiko barang rosak berkurang
III Murah dan cepat bagi jarak jauh
IV Ruang muatan luas

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

28. Maklumat berikut berkaitan dengan salah satu agensi pengangkutan laut.

- Menyelenggara pelabuhan
- Mendaftar dan melesenkan semua kapal
- Memelihara kawasan perairan daripada pencemaran

Apakah agensi tersebut?

A Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia
B Pengangkutan Antarabangsa Routier
C Lembaga Pelabuhan
D Jabatan Laut

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

29. Antara berikut, yang manakah peranan komunikasi dalam perniagaan?

A Membantu menstabilkan harga barang
B Mengurangkan risiko kerosakan barang
C Memudahkan aktiviti mempromosikan barang
D Memudahkan peniaga menghantar barang secara pukal

30. Pejabat pos menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berikut **kecuali**

A poste restante
B mesin frangki
C serahan tingkap
D peti simpanan keselamatan

31. Apakah ciri-ciri gudang yang baik?

I Mempunyai peralatan yang sesuai
II Mudah mendapat khidmat pengangkutan
III Diawasi oleh pihak kastam
IV Ruang yang luas

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

32. Apakah jenis gudang yang memerlukan pemiliknya menandatangani bon dengan Jabatan Kastam dan Eksais?

A Gudang awam
B Gudang berlesen
C Gudang pengilang
D Gudang pemborong

33. Apakah tujuan utama peniaga mengadakan promosi untuk produk barunya?

A Memperkenalkan barang dan perkhidmatan
B Meningkatkan keuntungan dan jualan
C Mengekalkan pasaran sedia ada
D Menangani pesaing

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

Soalan 34 dan 35 adalah berdasarkan petikan daripada akhbar Harian Metro, Khamis, 3 Mei 2007.

GADAI BARANG KEMAS BUKA KEDAI IT

Che Zarina sahut cabaran keluarga bukti peniaga wanita boleh jual komputer

Oleh:
Azlan Hafeedz
rencana@hmetro.my

Jolokan 'Low Yatt Kelantan' sudah cukup menggambarkan kemasyhurannya. Segala produk komputer berjenama dengan harga berpatutan menjadikan ***Monaliza dan Mastura Enterprise (MME)*** terus jadi sebutan. Bermula dengan sebuah kedai kecil di Rantau Panjang, MME mula mengorak langkah demi langkah, biarpun terpaksa berdepan dengan pelbagai peristiwa suka duka. Apapun ia tidak menghalang Che Zarina membuka dua cawangan lagi di Kota Bharu. Pihaknya mengenakan harga murah dan berpatutan berbanding kedai komputer lain bukanlah hendak bertanding, tetapi mahu memberi lebih peluang kepada golongan berpendapatan rendah supaya mereka boleh meneroka dunia teknologi maklumat.

34. Apakah jenis promosi tersebut?

A Promosi jualan
B Pengiklanan
C Jualan terus
D Publisiti

35. Apakah faedah yang diperoleh oleh Monaliza dan Mastura Enterprise daripada jenis promosi tersebut?

A Siaran media yang meluas
B Mengurangkan persaingan
C Menjimatkan kos promosi
D Kandungan maklumat dapat dikawal

36. Antara berikut, pilih agensi kerajaan yang terlibat dalam membeli dan memasarkan barangan pengeluar.

I Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
II Perbadanan Pembangunan Perniagaan Antarabangsa Malaysia (MATRADE)
III Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM)
IV Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

37. Berikut adalah maklumat yang diambil dari satu kertas kerja Kelab Pengguna SMK Sungai Pinang Kecil, Pangkor.

> PROJEK KITAR SEMULA
> - Semua ahli kelab mesti mengumpulkan minimum 100 kg akhbar lama dalam tempoh sebulan untuk diserahkan kepada Jawatankuasa Kitar Semula.
> - Akhbar tersebut akan dijual dan hasil jualan tersebut akan disumbangkan kepada Rumah Kebajikan Orang Kurang Upaya.

Apakah tanggung jawab yang akan dilaksanakan oleh ahli kelab pengguna?

I Penglibatan dan tindakan
II Kesedaran mengkritik
III Tanggung jawab sosial
IV Menjaga alam sekitar

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

38. Apakah prinsip asas membeli dengan bijak?

A Menentukan masa untuk membeli
B Mengurangkan perbelanjaan keperluan
C Membeli mengikut perkembangan terkini
D Menyenaraikan barang mengikut kehendak

Soalan 39 *dan Soalan* **40** *berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah.*

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

39. I Skim Pencen Ilat memberi perlindungan kepada pekerja yang hilang upaya yang bukan disebabkan pekerjaan.

II Skim Bencana Pekerjaan melindungi majikan daripada tuntutan pekerja yang ditimpa kemalangan di tempat kerja.

40. I Insurans liabiliti am melindungi pemilik perniagaan daripada tuntutan pekerja yang cedera semasa bekerja.

II Insurans liabiliti majikan melindungi pemilik perniagaan daripada tuntutan orang awam.

KERTAS SOALAN TAMAT

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

3755/2
Perdagangan
Kertas 2
September
2011
2 jam

YAYASAN PERAK

JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA NEGERI PERAK TAHUN 2011

PERDAGANGAN

Kertas 2

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.
2. *Jawab* **tiga** *soalan daripada* **Bahagian A**, *dan* **satu** *soalan wajib di* **Bahagian B**.
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam* **Bahagian A** *dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam* **Bahagian B**.
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

BAHAGIAN A

Jawab mana-mana **tiga** *soalan.*

1 (a) Rajah 1 berikut merupakan model Hierarki Keperluan Maslow.

(i) Apakah keperluan X dan Y? [2 *markah*]

(ii) Huraikan keperluan X tersebut. [3 *markah*]

(b) Perbualan berikut adalah di antara Encik Tan dengan seorang pegawai Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), Encik Azizul.

Encik Tan	:	Saya ada tujuh hektar tanah dan ingin menanam sayur-sayuran.
Encik Azizul	:	Baguslah tu. Kamu boleh mengusahakan tanah itu secara pengeluaran langsung atau pengeluaran tak langsung.
Encik Tan	:	Kalau macam tu, saya pilih pengeluaran tak langsung.

Mengapakah Encik Tan membuat keputusan tersebut? [5 *markah*]

(c) Terangkan **tiga** kelebihan pengkhususan dalam pengeluaran. [6 *markah*]

(d) Huraikan **tiga** bantuan perniagaan yang diperlukan oleh pengusaha kedai emas untuk melancarkan aktiviti perniagaannya. [9 *markah*]

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

2 (a) Berikut adalah sebut harga yang diterima oleh Kedai Azizi.

Syarikat Pemborong Parit Sdn. Bhd.
123 Jalan Pasar
Parit, Perak.

No. Sebut harga : 456/2011

Kedai Azizi
789 Jalan Masjid
Parit, Perak.

1 Mei 2011

Bil.	No. Rujuk	Butir-butir	Harga/Unit	Serahan
1	PP01	Bola Artiga Hitam	RM90	Sedia
2	PR02	Bola Artiga Putih	RM150	Segera
3	PT03	Bola Artiga Kuning	RM200	Segera

Dengan akaun yang diakui.
Untuk penerimaan dalam tempoh 10 hari.

Syarat Angkutan : Angkutan Hadapan
Diskaun : 25%
Syarat : 10% 7 hari
5% 14 hari

Seprare
Pengurus

Berdasarkan sebut harga tersebut.

(i) Nyatakan nama dan alamat pembekal. [2 *markah*]

(ii) Sekiranya Kedai Azizi bersetuju membeli 3 unit Bola Artiga Putih, hitung jumlah bersih yang perlu dibayar. [3 *markah*]

(iii) Nyatakan **dua** jenis diskaun yang diberi oleh pembekal. [2 *markah*]

(b) Nyatakan **tiga** kegunaan invois proforma. [3 *markah*]

(c) Terangkan **empat** fungsi pemborong kepada pengeluar dalam saluran agihan. [8 *markah*]

(d) Syarikat Roti Harum meletakkan roti untuk dijual di Kedai Desa.
Syarikat Roti Harum bersedia mengambil semula roti-roti yang tidak habis dijual.
Kedai Desa dibayar komisen bagi roti terjual.

(i) Apakah kaedah jualan yang digunakan ? [1 *markah*]

(ii) Jelaskan kekurangan kaedah jualan di d(i) kepada Syarikat Roti Harum. [3 *markah*]

(e) Nyatakan tiga ciri ejen dalam saluran agihan. [3 *markah*]

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

3 (a) Gambar 1 menunjukkan Encik Razak Man mempromosikan keluaran syarikatnya di satu ekspo perdagangan.

(i) Nyatakan jenis perniagaan tersebut. [1 *markah*]

(ii) Terangkan **tiga** kepentingan perniagaan di (a) (i) kepada Malaysia. [6 *markah*]

(b) Situasi berikut berkaitan dengan Encik Tajuddin, seorang pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

> Encik Tajuddin telah mengusahakan tanaman buah naga di tanah seluas satu hektar. Hasil tanaman tersebut telah diproses menjadi jus dan jem dengan hanya mengunakan peralatan ringkas di sebuah bangsal yang dijadikan kilang di belakang rumahnya. Kepakaran yang terhad dalam bidang pengurusan dan pekerja yang kurang pengalaman menyebabkan beliau tidak dapat memenuhi permintaan pasaran yang semakin meningkat.

(i) Nyatakan masalah-masalah yang dihadapi oleh Encik Tajuddin. [3 *markah*]

(ii) Bagaimanakah agensi kerajaan dapat membantu Encik Tajuddin mengatasi masalah di (b) (i). [3 *markah*]

(c) Situasi berikut berkaitan dengan jenis milikan perniagaan.

> Encik Kamal dan Encik Abbas mendapati perniagaan yang dijalankan secara bersama sejak 10 tahun lalu masih tidak dapat berkembang maju kerana masalah kekurangan modal. Encik Kamal mencadangkan milikan perniagaan mereka ditukar agar dapat mengundang lebih ramai pemegang syer. Walau bagaimanapun beliau mahu kedudukan kewangan dirahsiakan daripada pengetahuan orang ramai.

(i) Apakah jenis milikan perniagaan baru yang dicadangkan oleh Encik Kamal? [1 *markah*]

(ii) Terangkan tiga kelebihan yang boleh diperoleh daripada pertukaran jenis milikan perniagaan sedia ada kepada (c)(i). [6 *markah*]

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

(d) Dialog berikut antara Puan Zaiton dan Puan Hana.

Puan Zaiton	:	Apa awak nak buat dengan wang ganjaran yang akan kita peroleh bila kita bersara nanti?
Puan Hana	:	Yalah...banyak juga ye? Hampir RM150,000. Saya fikir nak simpan aje dalam akaun simpanan tetap. Awak macamana pula?
Puan Zaiton	:	Saya bercadang nak melabur dalam Amanah Saham Bumiputera.
Puan Hana	:	Bijak...Bijak...

Mengapakah Puan Hana memilih jenis pelaburan tersebut? [5 *markah*]

4 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis bank.

- Dimiliki oleh kerajaan
- Mengawal pelaksanaan dasar dan peraturan kewangan

(i) Namakan jenis bank tersebut. [1 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** fungsi bank tersebut. [4 *markah*]

(b) Rajah 2 berkaitan sekeping cek yang diterima oleh Encik Yusuff pada 1 Mac 2011.

MC BANK BERHAD
Taiping, Perak

Tarikh: 31 Mac 2011
Atau Pembawa

Bayar: Encik Yusuff
Ringgit: Lima Ribu Sahaja

RM5,000.00

Zainon Bee

778745 99 00 12876548 0000

Rajah 2

(i) Namakan jenis cek tersebut. [1 *markah*]

(ii) Mengapakah bank tidak dapat membuat pembayaran kepada Encik Yusuff pada tarikh penerimaan. [3 *markah*]

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

(c) (i) Terangkan **dua** prinsip insurans. [4 *markah*]

(ii) Pernyataan berikut berkaitan Encik Rama.

Encik Rama ingin menginsuranskan kedai jiran yang bersebelahan dengan kedainya daripada risiko kebakaran tetapi telah ditolak oleh syarikat insurans.

Mengapakah syarikat insurans menolak permohonan Encik Rama? [4 *markah*]

(d) Rajah 3 menunjukkan jenis-jenis kapal.



Rajah 3

(i) Namakan jenis kapal X? [1 *markah*]

(ii) Jelaskan ciri-ciri jenis kapal di (d)(i) [4 *markah*]

(e) Mengapakah pengangkutan udara mahal berbanding pengangkutan lain? [3 *markah*]

5 (a) Rajah 4 menunjukkan satu jenis perkhidmatan telekomunikasi.



Rajah 4

(i) Terangkan perkhidmatan X dan Y dalam Rajah 4. [4 *markah*]

(ii) Nyatakan **empat** peranan komunikasi dalam bidang perniagaan. [4 *markah*]

(b) (i) Terangkan **tiga** fungsi pergudangan kepada peniaga. [6 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** perbezaan antara gudang kerajaan dengan gudang pemborong [4 *markah*]

(c) Terangkan **dua** agensi kerajaan yang membantu untuk memajukan sektor perniagaan dalam bidang berikut:

(i) infrastruktur dan ruangniaga [4 *markah*]

(ii) pemasaran dan promosi [3 *markah*]

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

Bahagian B

[25 *markah*]
Soalan ini **wajib** *dijawab.*

6 Pasar raya FAZA yang terletak di Bandaraya Ipoh, Perak, telah mula beroperasi sejak 10 tahun yang lalu. Pasar raya tersebut mempunyai 50 orang pekerja sepenuh masa yang bertugas di pelbagai jabatan. Perniagaan ini menjual pelbagai jenis barang keperluan harian. Bekalan stok diperoleh secara pukal daripada kilang-kilang berdekatan. Barang-barang diangkut dari kilang ke gudangnya sendiri dengan menggunakan dua buah lori kepunyaan perniagaan.

Perniagaan beroperasi mulai jam 9.00 pagi hingga 11.00 malam setiap hari termasuk pada cuti umum. Semenjak beroperasi, telah dua kali berlaku kejadian rompakan. Hal ini telah mengakibatkan kerugian besar kepada pihak pengurusan. Pihak pengurusan juga risau sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini kepada pelanggan yang datang membeli belah. Sebagai langkah keselamatan, pihak pengurusan telah mengupah pengawal keselamatan dan memasang beberapa buah kamera litar tertutup (CCTV) di beberapa lokasi strategik.

Selepas memperoleh keuntungan yang lumayan dari tahun ke tahun, pihak pengurusan bercadang membuka sebuah lagi cawangan Pasar raya FAZA di Teluk Intan. Cawangan tersebut dijangka mula beroperasi pada bulan Oktober 2011. Kini pihak pengurusan bercadang mengadakan promosi untuk menarik pelanggan sekitar Teluk Intan supaya datang ke majlis pembukaan rasmi pasar raya tersebut.

Sebagai menyahut kempen anjuran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, pihak pengurusan tidak membenarkan lagi penggunaan beg plastik pada setiap hari Sabtu. Hal ini diharap dapat mengurangkan pencemaran dan seterusnya menjadikan alam sekitar lebih bersih dan selamat.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan berikut :

(a) (i) Nyatakan jenis perniagaan runcit yang dijalankan oleh Pasar raya FAZA. [1 *markah*]

(ii) Jelaskan ciri-ciri perniagaan runcit di a (i). [4 *markah*]

(b) Bagi mengatasi masalah kehilangan stok dan keselamatan pelanggan, cadangkan dua jenis insurans yang perlu diambil oleh Pasar raya FAZA. [6 *markah*]

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com

(c) Bagi majlis perasmian cawangan baru Pasar raya FAZA;

(i) Huraikan **dua** jenis media pengiklanan yang sesuai digunakan. [6 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** kesan sekiranya Pasar raya FAZA tidak menjalankan promosi. [2 *markah*]

(d) (i) Terangkan tanggungjawab terhadap masyarakat yang telah dijalankan oleh Pasar raya FAZA [2 *markah*]

(ii) Selain tanggungjawab di d(i), terangkan **dua** tanggungjawab lain yang perlu dilaksanakan oleh Pasar raya FAZA. [4 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT

more exam papers at :
www.myschoolchildren.com